

**Penilaian Tahap Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar Dan Hubungannya
Dengan Pengetahuan, Sikap Dan Kemahiran**

*Shamsulariffin Samsudin, Borhanuddin Abdullah & Chee Chen Soon
FPP, UPM*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan di antara reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran diperoleh selepas program. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan untuk menentukan perbezaan terhadap pengetahuan, sikap dan kemahiran pelajar sebelum dan selepas program. Reka bentuk kajian adalah berbentuk korelasi yang melibatkan 182 responden ($L=96$, $P=86$) yang mengikuti Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PPGSR). Kajian ini menggunakan Model Penilaian Kirkpatrick 1994, sebagai model penilaian dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dengan menggunakan format likert-scale. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis diskriptif, ujian-t berpasangan dan korelasi bagi menghuraikan dapatan kajian. Melalui analisis diskriptif menunjukkan tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar yang dijalankan adalah pada tahap yang tinggi ($M=4.00$, $SP=0.34$). Bagi penganalisaan pengetahuan, sikap dan kemahiran sebelum dan selepas program menunjukkan peningkatan selepas program; pengetahuan min 3.67 ($SP=0.41$) sebelum program dan min 4.05 ($SP=0.34$) selepas program; sikap min 3.66 ($SP=0.27$) sebelum program dan min 4.06 ($SP=0.28$) selepas program; kemahiran min 3.78 ($SP=0.22$) sebelum program dan min 4.03 ($SP=0.28$) selepas program. Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan ($t = -9.94$, $p = 0.00$), sikap ($t = -12.9$, $p = 0.00$) dan kemahiran ($t = -9.12$, $p = 0.00$) sebelum dan selepas program dijalankan. Manakala terdapat hubungan signifikan di antara reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan ($r=0.20$, $p=0.00$), sikap ($r=0.21$, $p=0.00$) dan kemahiran ($r=0.20$, $p=0.02$). Perancangan dan penyusunan terhadap keseluruhan program adalah dapat memenuhi kehendak pelajar. Pelajar juga cenderung untuk mempelajari dan berubah kepada sesuatu yang lebih baik dari segi pengetahuan, sikap dan kemahiran selepas program. Peningkatan terhadap pengetahuan, sikap dan kemahiran adalah sangat berkait dengan keberkesanan perancangan dan pengolahan sesuatu program.

Kata Kunci: Pendidikan Luar, Penilaian Reaksi, Penilaian Pembelajaran

Pendahuluan

Latar Belakang

Pendidikan Luar merupakan satu medium pendidikan yang luas melibatkan manusia dan alam semula jadi. Pelaksanaan Pendidikan Luar adalah melalui aktiviti – aktiviti yang dirancang dengan teliti, mempunyai objektif terhadap tujuan tersebut dan hendaklah dilakukan di alam semula jadi (Neill, 2004). Pendidikan Luar telah memberi kesan yang signifikan dalam melahirkan individu yang bertanggungjawab dan berketampilan tinggi dalam menjadikan individu serba boleh (Neill, 2004). Pendidikan Luar juga mengharapkan manusia melakukan aktiviti dengan memberi tindak balas terhadap kebolehan maksimum dalam bentuk fizikal dan psikologi bagi meningkatkan keupayaan dalam mengatur dan merancang aktiviti

seharian (Priest, 2004). Aktiviti Pendidikan Luar dapat disimpulkan mempunyai unsur yang boleh membuatkan peserta berfikir, mengawal emosi dan menggunakan tenaga untuk menghadapi cabaran dengan mengharapkan mampu membina jati diri.

Matlamat utama Pendidikan Luar adalah mengharapkan individu meninggalkan perilaku yang lama kepada perilaku yang baharu dengan menggunakan pendekatan penerokaan, pengakuan, pembetulan, pembelajaran dan paksaan ketika melakukan aktiviti luar (Yong, 2000). Brookes (2004), berpendapat bahawa Pendidikan Luar adalah satu medium yang membekalkan pembelajaran melalui pengalaman bagi meningkatkan pengetahuan, sikap, kemahiran dan membuatkan manusia lebih menghargai. Pendidikan Luar pada dasarnya mempunyai tiga fokus utama iaitu perkembangan personal dan sosial, pendidikan cabaran dan pendidikan persekitaran yang bakal mempromosikan perkembangan holistik individu menerusi domain kognitif (pengetahuan), afektif (sikap) dan psikomotor (kemahiran) (Priest, 2004).

Namun begitu, sering menjadi persoalan masyarakat sejauh manakah Pendidikan Luar mampu memenuhi kehendak peserta, sejauh manakah kesan perubahan ini berlaku terhadap individu dan sering dibangkitkan oleh masyarakat bahawa perbelanjaan yang besar, masa yang panjang dan risiko yang tinggi terhadap pelaksanaannya. Perkara ini disokong oleh Chua (2003), bahawa peningkatan yang mendadak terhadap aktiviti Pendidikan Luar dan perkhemahan luar khususnya bagi para pelajar banyak mengudang kecelakaan. Pendidikan Luar boleh dijadikan satu program yang berfungsi sebagai salah satu pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang sangat penting pada masa kini (DeSimone, 2006). Oleh yang demikian program Pendidikan Luar telah dijadikan salah satu medium yang terbaik untuk memupuk manusia memperoleh pengetahuan, kemahiran dan membentuk sikap.

Program Pendidikan Luar telah digeneralisasikan dalam bentuk kursus akademik kepada pelajar oleh Universiti Putra Malaysia dengan tertubuhnya Fakulti Pengajian Pendidikan pada tahun 1979. Kursus akademik Pendidikan Luar ini mampu memberi impak yang besar kepada pelajar dalam memantapkan semangat kerjasama, kepimpinan, komunikasi, pengurusan dan kesetiaan sesama insan. Pelaksanaan Pendidikan Luar telah banyak menimbulkan reaksi masyarakat terhadap keberkesanan dan faktor perubahan dalam memupuk peserta ke arah yang lebih baik dan cemerlang (Bunting, 2006). Pelbagai andaian dan tanggapan timbul tentang kesan dan faedah yang diperoleh daripada Pendidikan Luar. Persepsi negatif yang sering diperkatakan oleh masyarakat terhadap Pendidikan Luar adalah merupakan aktiviti yang menyeronokkan tanpa memberi faedah kepada peserta dan boleh mendatangkan risiko yang tinggi kepada peserta (Mahamad Amran Kamsi, 2008).

Soroton literatur mengesahkan bahawa ke semua penyelidik Pendidikan Luar sepakat menegaskan bahawa faktor seperti kandungan aktiviti, kaedah pembelajaran, fasilitator dan faedah aktiviti adalah faktor utama yang menentukan keberkesanan program (Priest & Gass, 1997). Pengolahan terhadap pelaksanaan program telah menimbulkan tanda tanya, adakah program ini dapat memberi impak pembelajaran yang berkesan?. Selain itu, adakah program yang dijalankan memenuhi kehendak dan mampu berkesan dalam membentuk personaliti yang unggul?. Soroton literatur menunjukkan penilaian terhadap program berbentuk latihan yang berkesan ialah kandungan modul mestilah mencapai objektif program dan kompetensi fasilitator mestilah tinggi dan mampu menyampaikan dengan berkesan (Weiss, 1998). Kajian ini dijalankan adalah untuk membuat penilaian terhadap program Pendidikan Luar yang di anjurkan oleh Fakulti Pengajian Pendidikan terhadap pelajar Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PPGSR) yang bermula pada tahun 2011.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:


- I. Mengenalpasti tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar yang dijalankan.
- II. Mengenalpasti tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran pelajar sebelum dan selepas program Pendidikan Luar.
- III. Mengenalpasti perbezaan pengetahuan, sikap dan kemahiran pelajar sebelum dan selepas program Pendidikan Luar.
- IV. Menentukan hubungan di antara tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran.

Kepentingan Kajian

Penilaian program penting kerana dapat memberi gambaran menyeluruh tentang pelaksanaan program melalui kesan kekuatan dan kelemahannya serta tindakan yang perlu diambil untuk memperbaikinya (Jamil, 2002). Hasil kajian dapat memperbaiki kelemahan yang mungkin wujud dalam program yang dijalankan. Dapatkan kajian mengenai perubahan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap sebelum dan selepas pelajar menamatkan program merupakan aset yang sangat bernilai dan sebagai satu strategi pemasaran bagi mempromosi program Pendidikan Luar sebagai satu pendekatan pembelajaran yang sangat berfaedah untuk diterapkan dalam pelbagai subjek dan program pendidikan yang lain. Dapatkan kajian sebagai satu pengesahan terhadap dapatkan kajian sebelumnya yang membuktikan bahawa keberkesanan sesuatu program Pendidikan Luar banyak bergantung kepada pengolahan kandungan dan kaedah mengendalikannya (Neill, 2002).


Sorotan Literatur

Proses pembelajaran pengalaman dalam Pendidikan Luar adalah unik kerana kaya dengan falsafah, metafora, tingkah laku dan matlamat peserta yang pelbagai (Davidson, 2001). Proses pembelajaran ini terbukti dalam mencapai matlamat kendiri, matlamat sosial, pendidikan, pemulihan serta persekitaran (Neill, 2003). Pengalaman pembelajaran yang diperoleh adalah melalui kaedah bimbingan terancang yang dilaksanakan oleh fasilitator dalam mendorong pembentukan idea dan pengetahuan yang baru (Beard & Wilson, 2002). Rajah 1, menunjukkan proses experiential learning (Beard & Wilson, 2002) dengan lebih jelas.



Rajah 1: Proses Experiential Learning (Beard & Wilson, 2002)


Rajah 2, menunjukkan objektif yang perlu ada dalam Program Pendidikan Luar yang berkesan iaitu psikomotor, afektif, kognitif, rohani dan sosial. Model Konseptual Pendidikan Guru (BPG) juga telah menekan beberapa aspek dalam memberi sumbangan terhadap tiga dimensi kehidupan seorang guru iaitu; Ketuhanan, Kendiri dan Kemasyarakatan. Ini diseimbangkan daripada hasil pembelajaran yang melibatkan tiga domain pembelajaran iaitu pengetahuan (kognitif), kemahiran (psikomotor) dan nilai (afektif) menjadi teras kepada jasmani, rohani, intelek dan emosi. Guru yang mempunyai jati diri yang kukuh akan mempunyai sifat-sifat kendiri yang positif yang merangkumi kemahiran sosial dalam hubungan kemasyarakatan, kemahiran berinteraksi dan bergaul yang bakal memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat.



Rajah 2: Objektif Program Pendidikan Luar


Fokus atau matlmat program merupakan kompenan yang penting dalam melaksanakan Pendidikan Luar yang melibatkan membangunkan potensi holistik individu, mendedahkan individu kepada pelbagai kemahiran aktiviti pendidikan dan menerapkan semangat cintakan alam (Bunting, 2006). Rajah 3,

menunjukkan gabungan ketiga-tiga fokus utama dalam Pendidikan Luar yang ingin di jalankan. Gabungan ketiga-tiga matlamat ini amat penting terhadap Pendidikan Luar kerana ia dapat membangunkan potensi individu secara menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.



Rajah 3: Fokus Aktiviti Pendidikan Luar (Bunting, 2006)


Model fokus yang dinyatakan dalam Rajah 4, oleh Gilbertson, Bates, MacLaughlin & Ewert (2006) juga menyatakan dua faktor yang saling berkaitan dalam pembangunan *interpersonal* dan kendiri manusia adalah kegiatan Pendidikan Luar dan Pendidikan Alam Sekitar. Pembangunan *interpersonal* akan melibatkan beberapa elemen yang akan merangkumi segala aspek bagi menyentuh perasaan, pemikiran dan penggunaan anggota badan dalam menghasilkan semangat kerjasama berpasukan, hormat – menghormati, pembangunan *intra* dan *interpersonal*, integriti dan kepuasan terhadap kegembiraan dalam melakukan aktiviti (Gilbertson et. al. 2006). Manakala kegiatan Pendidikan Luar akan melibatkan aktiviti-aktiviti lasak yang dirancang bagi memberi cabaran, tekanan, menguji keupayaan diri dan memperoleh kemahiran seperti *kayaking*, *repelling*, *orienteering*, *mountaineering* dan sebagainya.



Rajah 4: Model Fokus Pendidikan Luar, Gilbertson et. al (2006)

Ciri – ciri yang unik dalam aktiviti menjadikan Pendidikan Luar salah satu mata pelajaran yang menarik daripada mata pelajaran yang lain. Rajah 5, menunjukkan gabungan ciri – ciri dalam aktiviti Pendidikan Luar seperti alam semula jadi, gerak kerja kumpulan, pengalaman langsung, risiko dan cabaran, keseronokan, kejayaan dan kegagalan, penglibatan yang aktif dan bimbingan. Gabungan ini

terbukti berkesan dalam memperkayakan pengalaman pembelajaran dan membangunkan potensi holistik individu. Program Pendidikan Luar yang berkesan dan baik haruslah meneliti setiap ciri – ciri ini dalam merancang pelaksanaan program. Ini adalah bertujuan untuk memberi faedah dan kesan dalam jangka masa yang panjang kepada pelajar agar ilmu dan pengetahuan yang diperoleh dapat membantu dalam kehidupan mereka.



Rajah 5: Ciri – Ciri Aktiviti Pendidikan Luar

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan penyelidikan penilaian yang menggunakan reka bentuk korelasi. Borang soal selidik merupakan instrumen utama dalam menilai reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dan menilai pembelajaran yang diperolehi daripada program. Penilaian yang dilakukan adalah untuk menilai kaitan di antara reaksi pelajar terhadap program dengan pencapaian pembelajaran yang diperolehi melalui pengetahuan, sikap dan kemahiran. Menentukan hubungan ini adalah penting bagi melihat sejauh mana penerimaan pelajar terhadap keseluruhan program dapat meningkatkan atau sebaliknya pembelajaran pelajar. Selain itu, kajian juga dapat menentukan kelemahan dan kekuatan program melalui penilaian reaksi pelajar terhadap program yang dijalankan semasa mereka mengikutinya. Penilaian dilakukan bagi melihat sejauh mana keberkesanan program yang dijalankan dari segi kandungan program, kaedah pembelajaran, keberkesanan fasilitator dan faedah yang diperoleh daripada aktiviti. Berdasarkan kajian lampau menunjukkan bahawa bukan semua program Pendidikan Luar dapat memenuhi kepuasan pelajar, pembelajaran pelajar dan mencapai objektif yang ditetapkan (Neill, 2004). Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah penyelidikan ujian pra dan pasca dalam menentukan perubahan tersebut. Kaedah ujian pra dan pasca ini adalah sangat sesuai digunakan bagi menilai sesuatu program khususnya program baru yang belum pernah dilalui sebelumnya oleh pelajar (Davis, 2003).

Populasi dan Persampelan Kajian

Universiti Putra Malaysia dijadikan lokasi populasi kerana Pendidikan Luar merupakan kursus akademik bagi Program Bacelor Pendidikan, Pendidikan Jasmani, Fakulti Pengajian Pendidikan. Pelaksanaannya adalah melalui pembelajaran pengalaman secara langsung dengan membawa pelajar keluar melakukan program Pendidikan Luar selama sembilan hari di kawasan alam semulajadi. Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada pelajar Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PPGSR), ambilan tahun 2011/2012 (ambilan satu) dan 2012/2013 (ambilan dua) iaitu program Bacelor Pendidikan, Pendidikan Jasmani minor Bahasa Melayu, Bacelor Pendidikan, Pendidikan Bahasa Melayu minor Pendidikan Jasmani dan Bacelor Pendidikan, Pendidikan Bahasa Inggeris minor Pendidikan Jasmani yang sedang menuntut di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Kumpulan pelajar ini dipilih adalah kerana program ini baharu sahaja bermula di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2011.

Kumpulan ini dipilih memandangkan Pendidikan Luar merupakan kursus akademik kepada mereka. Pendidikan Luar yang dijalankan bagi PPGSR ini telah dirancang dan modul diubahsuai memandangkan tempoh pengajian yang singkat dan amali lapangan (program) yang terhad bagi memenuhi pembelajaran yang positif hasil daripada penetapan pensyarah. Pengumpulan data terhadap kajian ini terpaksa dilakukan beberapa kali bagi mencukupi jumlah persampelan kajian. Jumlah populasi yang bertambah mengikut ambilan kemasukan menyebabkan pengumpulan data terpaksa dilakukan secara berperingkat bagi memenuhi keperluan kajian. Jumlah keseluruhan pelajar daripada ambilan satu dan dua PPGSR adalah sebanyak 302 pelajar.

Dalam melakukan persampelan terhadap jumlah keseluruhan populasi kajian, penyelidik telah menggunakan formula persampelan yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan pada tahun 1970. Berdasarkan pengiraan Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel yang diperlukan dalam kajian ini adalah sebanyak 169 pelajar daripada keseluruhan populasi pelajar PPGSR UPM. Maka jumlah sampel saiz bagi kajian ini adalah sebanyak 169 pelajar namun begitu penyelidik telah mengumpulkan borang soal selidik sebanyak 212 iaitu 30 peratus lebih daripada jumlah persampelan. Ini adalah kerana bagi mengurangkan risiko jumlah borang soal selidik pelajar tidak cukup akibat daripada maklumat tidak dipenuhi pada borang soal selidik dan semasa proses penganalisaan penerokaan data jika terdapat data yang terpencil dan terlalu ekstrem.

Penyelidik telah memilih jenis persampelan rawak berlapis kepada populasi kajian. Penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik kepada semua pelajar yang mengikuti program Pendidikan Luar bagi setiap kumpulan ambilan. Penyelidik telah menetapkan hanya 70 peratus daripada jumlah responden bagi setiap kumpulan pelajar yang telah mewakili bagi setiap kumpulan ambilan pelajar yang mengikuti program Pendidikan Luar. Persampelan rawak berlapis ini adalah sesuai digunakan adalah kerana populasi bagi kajian ini adalah tidak seragam bagi setiap kumpulan ambilan pelajar. Dalam pemilihan responden kajian bagi setiap kumpulan ambilan, penyelidik telah menggunakan persampelan rawak mudah iaitu dengan memilih borang- borang soal selidik yang telah diisikan oleh semua pelajar bagi setiap kumpulan secara rawak hingga mencukupi jumlah responden yang diperlukan bagi setiap kumpulan.

Instrumen Kajian

Instrumen sebagai alat bagi mengukur, memerhati dan mendokumentasikan data kuantitatif (Creswell, 2012). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Dalam kajian ini, terdapat tujuh dimensi penilaian yang perlu dijawab oleh pelajar dalam menilai reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dan penilaian pembelajaran sebelum dan selepas program iaitu pengetahuan, sikap dan kemahiran.

Soal selidik bagi penilaian reaksi pelajar adalah bertujuan menilai persepsi pelajar terhadap keseluruhan program Pendidikan Luar dan penilaian pembelajaran bagi menilai elemen pembelajaran yang berlaku sebelum dan selepas program. Dalam soal selidik ini terbahagi kepada tujuh bahagian iaitu; bahagian A: Latar Belakang Responden; B: Kandungan Program; C: Kaedah Pembelajaran; D: Keberkesanan Fasilitator; E: Faedah Aktiviti Pendidikan Luar, F: Pengetahuan, G: Sikap dan H: Kemahiran. Bahagian B, C, D dan E penilaian ini merupakan penilaian reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dan diedarkan kepada responden setelah mereka menamatkan program. Manakala bahagian F, G dan H merupakan penilaian bagi melihat pembelajaran yang berlaku dalam program Pendidikan Luar dan diberikan kepada responden sebelum dan selepas program.

Bagi bahagian B, C, D dan E format penilaian adalah menggunakan format *likert-scale* yang menggunakan 5 tahap iaitu 1-sangat rendah, 2-rendah, 3-sederhana, 4-tinggi dan 5-sangat tinggi. Manakala bahagian F, G dan H juga menggunakan format *likert-scale* 5 tahap iaitu 1-sangat tidak setuju, 2-tidak bersetuju, 3-tidak bersetuju atau setuju, 4-bersetuju dan 5-sangat bersetuju.

Dapatan Kajian

Jadual 2, menunjukkan taburan responden mengikut program pengajian, jantina, umur, status, pengalaman mengajar, bangsa, agama dan pengalaman mengikuti program lain. Dapatan kajian menunjukkan taburan responden mengikut program pengajian dan ambilan adalah 48 pelajar (26.4%) bagi Major Bahasa Melayu ambilan satu, 27 pelajar (14.8%) bagi Major Bahasa Inggeris ambilan satu, 12 pelajar (6.6%) bagi Major Pendidikan Jasmani ambilan dua, 70 pelajar (38.5%) bagi Major Bahasa Melayu ambilan dua dan 25 pelajar (13.7%) bagi Major Bahasa Inggeris ambilan dua. Analisis yang dijalankan juga jelas menunjukkan responden daripada pelajar lelaki merupakan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 96 pelajar (52.7%) dan selebihnya adalah pelajar perempuan. Dari segi umur, seramai 110 pelajar (58.8%) merupakan majoriti umur tertinggi iaitu diantara 35 – 44 tahun. Sementara itu, hampir 93.4 % adalah terdiri daripada mereka yang telah berumah tangga. Responden berbangsa Melayu dan beragama Islam merupakan kumpulan majoriti sebanyak 136 pelajar (65.9%). Manakala, dari segi pengalaman bekerja kebanyakan responden mempunyai pengalaman bekerja antara 11 hingga 15 tahun iaitu seramai 79 pelajar (46.5%).

Jadual 2 : Taburan Latar Belakang Responden ($N=182$)

| | f | (%) |
|----------------------------------|-----|------|
| Program Pengajian (Major) | | |
| Bahasa Melayu ambilan satu | 48 | 26.4 |
| Bahasa Inggeris ambilan satu | 27 | 14.8 |
| Pendidikan Jasmani ambilan dua | 12 | 6.6 |
| Bahasa Melayu ambilan dua | 70 | 38.5 |
| Bahasa Inggeris ambilan dua | 25 | 13.7 |
| Jantina | | |
| Lelaki | 96 | 52.7 |
| Perempuan | 86 | 47.3 |
| Umur | | |
| 22 – 34 tahun | 66 | 36.3 |
| 35 – 44 tahun | 110 | 60.4 |
| 45 – 50 tahun | 6 | 3.3 |
| Status | | |
| Bujang | 12 | 6.6 |
| Kahwin | 170 | 93.4 |
| Duda/Janda | - | - |
| Pengalaman Kerja | | |
| 1 – 5 tahun | 3 | 1.6 |
| 6 – 10 tahun | 63 | 34.6 |
| 11 – 15 tahun | 84 | 46.2 |
| 16 – 20 tahun | 32 | 17.6 |
| Bangsa | | |
| Melayu | 136 | 74.7 |
| Cina | 10 | 5.5 |
| India | 31 | 17 |
| Lain – lain | 5 | 2.7 |
| Agama | | |
| Islam | 136 | 74.7 |
| Buddha | 10 | 5.5 |
| Hindu | 31 | 17 |
| Lain – lain | 5 | 2.7 |
| Pengalaman Program Lain | | |
| 1 – 3 kali | 147 | 80.8 |
| 4 – 7 kali | 10 | 5.5 |
| Tidak pernah | 25 | 13.7 |

f = frekuensi, % = peratus

Jadual 3, menunjukkan nilai min purata bagi setiap item di nilai termasuklah nilai min bagi keseluruhan tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar yang di jalankan. Secara keseluruhannya nilai min bagi keseluruhan reaksi responden berada pada tahap yang baik iaitu nilai min adalah 4.00 dengan sisihan piawai 0.34. Bagi nilai min bagi setiap item yang dinilai, kandungan program merupakan nilai min yang tertinggi iaitu 4.11(SP=0.31), di ikuti dengan keberkesanan fasilitator dengan nilai min 4.07(SP=0.54), faedah aktiviti dengan nilai min 3.95(SP=0.47) dan yang terakhir adalah kaedah pembelajaran

3.87(SP=0.45). Kesemua item yang dinilai berada pada tahap yang baik dan penerimaan responden secara positif.

Jadual 3 : Taburan Min Purata Bagi Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar (N=182)

| Item | Min | Sisihan Piawai |
|-----------------------------------|------------|-----------------------|
| Keseluruhan Reaksi Pelajar | 4.00 | 0.34 |
| Kandungan Program | 4.11 | 0.31 |
| Kaedah Pembelajaran | 3.87 | 0.45 |
| Keberkesanan Fasilitator | 4.07 | 0.54 |
| Faedah Aktiviti Program | 3.95 | 0.47 |

Mankala analisis min bagi pengetahuan, sikap dan kemahiran responden sebelum dan selepas program dapat dirujuk pada Jadual 4. Jadual dibawah menunjukkan min sebelum bagi keseluruhan pengetahuan adalah 3.67(SP=0.41) dan telah meningkat kepada 4.05(SP=0.30) selepas program dijalankan. Manakala min bagi sikap sebelum menjalankan program adalah 3.66 (SP=0.27) dan telah meningkat kepada 4.06(SP=0.28) selepas program dijalankan. Manakala penilaian terakhir bagi kemahiran pula adalah 3.78(SP=0.22) bagi sebelum dan 4.03(SP=0.28) bagi selepas program dijalankan.

Jadual 4 : Taburan Min Purata Bagi Pengetahuan Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar (N=182)

| Item | Sebelum | | Selepas | |
|-------------|----------------|-----------------------|----------------|-----------------------|
| | Min | Sisihan Piawai | Min | Sisihan Piawai |
| Pengetahuan | 3.67 | 0.41 | 4.05 | 0.30 |
| Sikap | 3.66 | 0.27 | 4.06 | 0.28 |
| Kemahiran | 3.78 | 0.22 | 4.03 | 0.28 |

Dalam Jadual 5, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan terhadap skor pengetahuan sebelum program ($M=3.67$, $SP=0.41$) dengan selepas program ($M=4.05$, $SP=0.30$), $t(181) = -9.94$, $p = 0.00$. Manakala Ujian-t pra dan pasca terhadap sikap menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dengan skor sebelum program ($M=3.66$, $SP=0.27$) dengan selepas program ($M=4.09$, $SP=0.31$), dengan nilai $t(181) = -12.9$, $p = 0.00$. Jelas disini bahawa selepas program dijalankan responden dapat mengubah sikap mereka kearah yang lebih positif hasil daripada program ini. Bagi elemen kemahiran pula, terdapat perbezaan signifikan sebelum dan selepas program dengan skor sebelum program ($M=3.78$, $SP=0.22$) dengan selepas ($M=4.03$, $SP=0.28$), $t(181) = -9.12$, $p = 0.00$. Penguasaan kemahiran yang baru oleh responden dapat dikuasai dengan baik oleh pelajar setelah mereka menjalankan program.

Jadual 5 : Menentukan Perbezaan Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar

| Pemboleh ubah | Sebelum | | Selepas | | t | df | p |
|----------------------|----------------|-----------|----------------|-----------|----------|-----------|----------|
| | M | SP | M | SP | | | |
| Pengetahuan | 3.67 | 0.41 | 4.05 | 0.30 | -9.94 | 181 | 0.00 |
| Sikap | 3.66 | 0.27 | 4.09 | 0.31 | -12.9 | 181 | 0.00 |
| Kemahiran | 3.78 | 0.22 | 4.03 | 0.28 | -9.12 | 181 | 0.00 |

Bagi Jadual 6, menunjukkan hubungan di antara keseluruhan tahap reaksi pelajar terhadap Program Pendidikan Luar dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran. Dalam jadual ini menunjukkan hanya terdapat hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.01 antara tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan ($r=0.20^{**}$, $p=0.00$) dan sikap ($r=0.21^{**}$, $p=0.00$). Manakala hubungan antara tahap reaksi pelajar terhadap Program Pendidikan Luar dengan kemahiran juga terdapat hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.01 ($r=0.20^{**}$, $p=0.02$).

Jadual 6 : Hubungan Di antara Tahap Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar dengan Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran

| Hubungan | Pekali Korelasi | Nilai p (2 tailed) | Interpretasi hubungan |
|---|------------------------|---------------------------|------------------------------|
| Tahap Reaksi Terhadap Program Pendidikan Luar dengan | | | |
| Pengetahuan | 0.20** | 0.00 | Hubungan positif |
| Sikap | 0.21** | 0.00 | Hubungan positif |
| Kemahiran | 0.20** | 0.02 | Hubungan positif |

** signifikan pada aras keertian 0.01

Perbincangan

Tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar adalah pada tahap tinggi dan memenuhi kehendak pelajar. Gabungan pelbagai ciri-ciri dalam Pendidikan Luar dapat menarik minat pelajar memperkayakan pengalaman pembelajaran dan membangunkan potensi holistik individu dengan bantuan daripada alat bantu mengajar dan bimbingan fasilitator (Md. Amin, 2011). Fokus aktiviti dalam Pendidikan Luar mampu mewujudkan insan yang prihatin terhadap diri sendiri, masyarakat dan alam sekitar dengan meningkatkan elemen seperti tahap keyakinan diri, pembentukan semangat kumpulan, penyuburan semangat patriotik, perpaduan kumpulan dan pembangunan nilai-nilai murni (Paxton & McAvoy, 2000 & Bunting, 2006).

Penilaian terhadap kaedah pembelajaran yang dilakukan dalam kajian ini tidaklah terlalu mendalam. Sebanyak tujuh item telah ditetapkan dalam melakukan penilaian terhadap bahagian ini. Namun ada beberapa item perlu diambil kira oleh penyelidik kerana nilai min bagi item tersebut berada pada tahap tinggi yang rendah iaitu seperti nota ditulis dengan baik, nota menjadi rujukan berguna, kuliah adalah sesuai dan kuliah adalah komprehensif. Penyelidik bersetuju dengan hasil penilaian bagi item ini kerana Pendidikan Luar merupakan satu sistem pendidikan yang menggunakan pendekatan *experiential*

learning yang menggalakkan pelajar belajar dengan keadaan sekeliling dan membentuk satu idea yang baru dengan dibantu oleh para fasilitator (Neil, 2003 & Beard & Wilson, 2002).

Keberkesanan fasilitator dalam program Pendidikan Luar adalah berkesan dan membantu pelajar dalam menjayakan program dan menyelesaikan segala tugas. Antara kemampuan fasilitator yang tinggi di ukur daripada pelajar adalah fasilitator sangat bersedia, berkemahiran, menggalakkan pembelajaran dan penyertaan daripada pelajar. Perkara ini adalah amat penting kerana fasilitator merupakan *role model* kepada pelajar dan hendaklah mempunyai kemahiran, pengetahuan dan sikap yang baik semasa menjalankan program (Graham, 2004). Faedah aktiviti yang tinggi kepada pelajar adalah melalui aktiviti berkayak, *orienteering*, *flying fox* dan keyakinan air. Aktiviti yang dibentuk diharapkan dapat memberi pengalaman yang berguna kepada pelajar dalam mengenal jati diri mereka dan membina semangat berpasukan.

Perbezaan pembelajaran sebelum dan selpas menunjukkan signifikan terhadap pengetahuan, sikap dan kemahiran sebelum dan selepas program dijalankan. Ini boleh dikaitkan dengan laporan *Outward Bound International*, latihan empat minggu yang bertujuan meningkatkan kecergasan, kemahiran, kepekaan, inisiatif, ingatan, imaginasi dan daya tahan telah mengurangkan kaedah kematian anak-anak kapal syarikat Blue Funnel Shipping Line yang mengikuti program pertama itu (Richards, 1990). Ini meyakinkan mereka bahawa program *outward bound* berjaya memberi kesan yang positif dan mencapai objektifnya dan mereka terus memperkembangkan kumpulan sasaran yang lebih besar. Kirkpatrick (1994) dan Naugle (2000) menyatakan reaksi yang positif terhadap sesuatu program akan meningkatkan penerimaan elemen pembelajaran terhadap pelajar iaitu pengetahuan, sikap dan kemahiran dalam sesuatu program Pendidikan. Dalam kajian ini pengetahuan dan sikap dilihat mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar yang dijalankan. Ini memgambarkan pelajar lebih cenderung untuk berubah kepada sesuatu yang lebih baik selepas program dijalankan melalui reaksi yang diberikan. Ini boleh dikaitkan dengan elemen yang paling penting ketika peserta menjalankan aktiviti ini adalah perasaan dan pengawalan emosi ketika melakukan aktiviti adalah perkara yang paling berharga dan akan sentiasa menjadi pengalaman yang paling susah untuk mereka lupakan dan ini merupakan salah satu kejayaan dalam menganjurkan sesuatu program (Clement & Wagner, 1995; Barker, 1995; Arkin, 1995).

Selain itu, kemahiran juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar. Kemahiran yang diterapkan kepada pelajar datangnya daripada aktiviti yang ditawarkan, kaedah yang digunakan dan juga bantuan fasilitator semasa program dijalankan. Ini selari dengan kajian yang telah dilakukan terhadap dua kumpulan belia mengenai *4-H leadership program* yang mana satu kumpulan telah dipanggil untuk menyertai program ini, manakala satu lagi kumpulan tidak mengikuti program ini. Seramai 500 pelajar berumur 13 hingga 19 tahun daripada seluruh daerah di Texas telah dipilih untuk menyertai program dan diberi satu borang soal selidik untuk di jawab. Manakala satu kumpulan daripada 580 pelajar daripada sekolah seluruh Texas yang tidak menyertai program juga telah diberikan soal selidik yang sama. Dapatkan kajian didapati persepsi pelajar yang mengikuti program terhadap pembangunan kemahiran lebih tinggi daripada pelajar yang tidak mengikuti program. Antara kemahiran yang diperolehi adalah kerjasama kumpulan, memahami diri sendiri, komunikasi, membuat keputusan dan kepimpinan (Boyd, Herring & Briers, 1992).

Perbezaan di antara sebelum dan selepas program menunjukkan pelajar dapat meningkatkan pengetahuan dalam kepimpinan, kerjasama kumpulan dan pengurusan. Manakala sikap pula dapat dipupuk melalui kepimpinan, kerjasama kumpulan dan pengurusan membentuk sikap kendiri yang unggul. Manakala untuk kemahiran pelajar menunjukkan peningkatan terhadap kesemua aspek dalam kemahiran iaitu kepimpinan, komunikasi, kerjasama kumpulan dan pengurusan. Walaupun kesemua peringkat pembelajaran mengalami perubahan yang positif tetapi jumlah perbezaannya tidaklah terlalu besar disebabkan oleh beberapa faktor:

- I. Jangka masa program yang dijalankan terlalu singkat bagi kursus ini. Pelajar juga tidak diberi pendedahan dengan lebih mendalam terhadap sesuatu perkara daripada tenaga pengajar kerana masa kuliah yang terhad.
- II. Majoriti pelajar yang mengikuti program ini adalah dalam lingkungan umur di antara 35 tahun hingga 44 tahun. Pada peringkat umur begini pelajar kurang memberi perhatian terhadap pembelajaran yang dijalankan.
- III. Faktor fizikal dan kesihatan pelajar juga menyebabkan perubahan pembelajaran berlaku secara perlahan kerana keupayaan pelajar telah membatasi perjalanan beberapa aktiviti yang lasak.
- IV. Pada peringkat ini juga kebanyakan pelajar telah berumur dan pengalaman mereka dalam kehidupan telah menyebabkan penerimaan terhadap sesuatu yang baru susah untuk diguna pakai.

Cadangan

Cadangan dalam mengembangkan kajian yang lebih mendalam mengenai pengaruh program Pendidikan Luar dalam profesion seseorang guru adalah dengan membuat satu kajian mengenai kesan daripada program Pendidikan Luar terhadap kerjaya mereka di tempat kerja. Ini bermakna dalam kajian mendatang kita dapat melihat bagaimana kesan daripada pembelajaran yang diperoleh semasa program dapat diguna pakai dan adakah ia bakal menjadikan seseorang itu lebih produktif.

Kajian mendatang juga perlu melihat adakah hubungan di antara pengurusan pengajian yang berbeza, umur, pengalaman dan badan organisasi tertentu dengan jumlah pembelajaran yang diperolehi terhadap pengetahuan, sikap kendiri dan kemahiran. Dalam kajian akan datang diharapkan dapat melihat sejauh mana perbezaan perolehan pengetahuan, sikap kendiri dan kemahiran yang diperolehi mengikut perbezaan organisasi, umur, pengalaman dan pengurusan pengajian.

Memanjangkan jangkamasa program amatlah diperlukan dalam memberi pembelajaran yang lebih mendalam dan pelajar dapat menguasai bidang tertentu dengan lebih terperinci dan mencapai tahap signifikan dalam pembangunan tugas kognitif pelajar. Selain daripada itu, perancangan dan pembangunan modul latihan didalam program perlulah di ubahsuai mengikut tahap perbezaan umur, fizikal dan pengalaman pelajar kerana ia akan memainkan peranan dan memberi peluang kepada pelajar dalam menguasai pengurusan pengetahuan, sikap dalam berkomunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerjasama berpasukan, kemahiran komunikasi dan kemahiran pengurusan.

Rujukan

- Amy Anak Dustin. (2007). *Program Pendidikan Luar dan Implikasinya terhadap Konsep Kendiri Guru Pelatih*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang.
- Arkin, A. (1995). Breathing fresh air into training. *People Management*, 1(15), 34-36.
- Barker, J. (1995). The great outdoors: How to put adventure into your meetings and make it pay off. *Successful Meaning* 44(11): 91-95
- Beard, C. & Wilson, J. P. (2002). *The power of experiential learning: A handbook for trainers and educators*: London: Kogan Page Limited.
- Boyd, B. L., Herring, D. R. & Briers, G. E. (1992). Developing life skills in youth. *Journal of Extension* 30(4).
- Brookes, A. (2004). *Thoughts on the conference theme*. Proceedings of the 7th National Outdoor Conference, Monash University, Frankston, Australia.
- Bunting, C. J. (2006). *Interdisciplinary teaching through outdoor education*. Illinois: Human Kinetics.
- Cason, D. & Gillis, H. L. (1994). A meta-analysis of outdoors adventure programming with adolescents. *The Journal of Experiential Education*, 17, 40-47.
- Chiaburu, D.S., & Marinova, S.V. (2005). What predicts skill transfer? An exploratory study of goal orientation, training self-efficacy and organization supports. *International Journal of Training and Development*, 9, 110–123.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik Penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*. Buku 2. Malaysia: McGraw-Hill.
- Clements, C. & Wagner, R. J. (1995). The ins and outs of experiential training. *Training and Development* 49(2): 52-57.
- Creswell, J. W. (2012), *Research Design*. Sage Publication: London.
- Davis, G. (2003). Using Retrospective Pre-Post Questionnaires to Determine Program Impact. *Journal of Extension*. Vol. 41(no.4).
- DeSimone, L. (2006) *Toward a more refined theory of school effects: A study of the relationship between professional community and mathematics teaching in early elementary school*. Research and Theory in Educational Administration. . Greenwich, CT: Information Age Publishing
- Gilbertson, K., Bates, T., McLaughlin, T. & Ewert, A. (2006). *Outdoor Education: Methods and strategies*. Illinois: Human Kinetics.
- Goldstein, I. L. & Ford, J. K. (2002). *Training in Organizations*. Belmont, CA: Wadsworth. 4th ed.

- Graham, J. (2004). *Outdoor Leadership: technique, common sense & self-confident*. The Mountaineers, Seattle: WA.
- Gupta, A. K. & V. Govindarajan. (2000). Knowledge flows within multinational corporations. *Strategic Management Journal*, 21, 473-496.
- Ibrahim Mamat (2001). *Pengetua Sekolah Menanangi Isu dan Cabaran Kepimpinan*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan Di Kalangan Guru di Sekolah, Satu Penilaian*. Disertasikan Kedoktoran yang tidak diterbitkan: Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat Sumber Fakulti Pendidikan.
- Kirkpatrick, D. L. (1994). *Evaluating training program*. Wisconsin: American Society for Training and Development, Inc.
- Krejcie & Morgan. (1970). Determining sample size for research activities. 30, 607-610.
- Martin, A. J. (2001). *Towards The Next Generation of Experiential Education Programmes: A Case Study of Outward Bound*. Unpublished Doctoral Dissertation, Massey University, New Zealand.
- Md Amin, M. T. (2011). *Residential outdoor education camp and environmental attitudes: A case study*. Kertas dibentangkan di 15th Australian National Outdoor Education Conference. Ballarat, Victoria, Melbourne.
- Naugle, K. A. (2000). *Kirkpatrick's evaluation model as a means of evaluating teacher performance*. Education 121 (1): 135-145.
- Neill, J. T. (2002). *Meta-Analytic Research on the outcomes of Outdoor education*. Paper presented to the 6th Biennal Coalition for Outdoors Research Symposium, Bradford Woods, Indiana, US.
- Neill, J. T. (2004). *What is outdoor education definition?*. Dipetik pada 13 Jun 2013 daripada <http://www.wilderdom.com/definition>.
- Nijman, D. J. J. M. (2004). *Supervisory support and transfer of training: An explorative case study*. Conference Proceedings (Vol. 1, pp. 358-365). Bowling Green, OH: AHRD.
- Richards, A. (1990). *Kurt Hahn*. In J. Miles & S. Priest (Eds.) Adventure Education. State Collage, PA: Venture Publishing.
- Paxton, T. & McAvoy, L. (2000). *Social psychological benefits of wilderness adventure program*. Kertas yang dibentangkan di USDA Forest Service Proceedings, United States of America.
- Priest, S. (2004). Outdoor leadership competencies. *Adventure Programming*. (pp 237-239). State Collage, PA: Venture Publishing.
- Priest, S. & Gass, M. A. (1997). *Effective leadership in adventure programming*. Illinois: Human Kinetics.
- Tai, W.-T. (2006). *Effects of training framing, general self-efficacy and training motivation on trainees' training effectiveness*. Personnel Review, 35(1), 51-65.

Tannenbaum, S. & Yukl, G. (1992). Training and development in work organizations. *Annual Review of Psychology* 53: 399-441.

Yong, Alex K. B. (2000). *Malaysia human resource management*. Kuala Lumpur: Malaysia Institute of Management.